

20 NOV 1996

Mahathir-IWK

HUTANG LAMA IWK DIBATALKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Nov (BERNAMA) -- Kerajaan hari ini bersetuju membatalkan hutang pengguna kepada Indah Water Konsortium (IWK) dan memperkenalkan caj baru yang tetap berdasarkan sesuatu tempat seperti rumah, pejabat dan kilang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata caj pembedaan yang baru itu tidak akan berasaskan kepada kuantiti penggunaan air seperti yang dikenakan sebelum ini.

"Kita telah mansuhkan hutang lama pengguna dan kurangkan caj kepada orang perseorangan serta penggunaan persendirian mengikut formula baru," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan rasmi Presiden Peru Alberto Fujimori di Parlimen.

Katanya persetujuan itu dibuat pada mesyuarat kabinet pagi ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga bersetuju menambahkan pinjaman sebanyak RM450 juta kepada IWK bagi membantu tidak menaikkan caj.

Kerajaan bulan lepas mengarahkan IWK menanggung sementara caj dan pungutan bayaran pembedaan di Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Melaka, Perlis dan Pulau Pinang dari 1 Nov sementara menunggu kajian semula kerajaan terhadap perkhidmatan pembedaan itu.

IWK diberikan konsesi mengambilalih perkhidmatan pembedaan negara pada April 1994 untuk selama 28 tahun sebagai sebahagian daripada rancangan penswastaaan kerajaan.

IWK mengambil alih antara lain kerja-kerja mengurus, mengendali dan merawat pembedaan daripada sebilangan pihak berkuasa tempatan.

Sebelum ini menurut Dr Mahathir kerajaan telah meminjamkan RM450 juta kepada IWK dan memberikan tambahan pinjaman kerana membantunya untuk tidak menaikkan caj memandangkan ia tidak dapat mengutip hutang lama.

Perdana Menteri berkata hutang lama yang dimansuhkan adalah besar kerana banyak pengguna yang tidak membayar. Bagaimanapun, beliau tidak dapat menyatakan jumlahnya.

Ditanya mengenai kedudukan pengguna yang telah membuat pembayaran sebelum ini, Dr Mahathir hanya berkata: "Banyak yang belum bayar."

Dr Mahathir berharap pengguna yang mendapat perkhidmatan pembedaan supaya membayar dengan segera caj yang dikenakan selepas ini.

"Bayar secepat mungkin, bila IWK hantar bil. Bayarlah macam bila kita dapat bil elektrik," katanya.

Perdana Menteri juga berharap para pengguna tidak meminta kadar bayaran pembedaan dikurangkan lagi.

Ditanya sama ada kadar caj baru itu akan berkuatkuasa 1 Jan tahun depan seperti yang pernah dibayangkan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu.

Beliau turut memberi jaminan pengguna tidak akan menerima lagi tunggakan dalam bil baru pembedaan mereka.

Sementara itu Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Tajol Rosli yang ditemui pemberita di Bangunan Parlimen berkata Dr Ting akan mengumumkan kadar caj yang baru di sini esok.

-- BERNAMA

JM RON